

Pengurusan anugerah SN perlu dikemas kini

BH 23 JUN 2000

KUALA LUMPUR, Khamis — Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, mahu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mengemaskinikan pengurusan Anugerah Sastera Negara (ASN) sejajar dengan matlamat mengangkat martabat sastera dalam arus perdana negara.

Katanya, langkah itu perlu bagi mengelak berulangnya peristiwa kekeruhan hubungan antara DBP dengan Sasterawan Negara (SN) seperti yang berlaku baru-baru ini akibat kekeliruan dan salah tafsir.

“Selaku urus setia ASN, DBP perlu mengambil langkah mengemaskini kaedah pemberian kemudahan dan bersikap lebih telus kepada penerima ASN. Kita perlu memperbaiki kelemahan yang ada,” katanya ketika berucap di majlis sambutan ulang tahun ke-44 DBP di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengelola DBP, Datuk Rahim Bakar dan Ketua Pengarahnya, A Aziz Deraman.

SN, Datuk A Samad Said, mengumumkan tindakan mengundurkan diri dari dunia sastera tanah air pada pertengahan Mei lalu kerana bosan dengan kerenah birokrasi sastera negara.

Samad juga pernah melancarkan mogok seni pada awal tahun 1990-an kerana memprotes birokrasi yang sama akibat kelegahan dalam pembayaran royalti kepada sasterawan.

Sejak anugerah itu diwujudkan pada 1981, lapan tokoh sudah dinobatkan sebagai Sasterawan Negara kerana sumbangan besar kepada perkembangan kesusasteraan negara.

Kali terakhir anugerah itu diberi pada 1996 kepada Datuk Abdullah Hussin.

Musa berharap pada awal alaf baru ini usaha memberikan penghargaan yang tinggi kepada tokoh yang sudah membuktikan daya cipta sastera yang bermutu tinggi serta berkemampuan bergerak cergas di tengah

masyarakat itu dapat diteruskan.

Beliau juga menyarankan supaya karya tokoh Sasterawan Negara diperluaskan kepada khlayak pembaca peringkat antarabangsa menerusi penterjemahan karya mereka dalam pelbagai bahasa dunia.

“Semoga pada suatu masa kelak, akan ada tokoh sasterawan dari Malaysia yang layak menerima Hadiah Nobel melalui usaha sebegini. Ini adalah satu lagi cabaran kepada DBP dan aktiviti sastera umumnya.

“Selagi kita prihatin terhadap perjuangan besar ini, selagi itulah sumbangan DBP tetap relevan dalam perkembangan zaman,” katanya.

Pada majlis itu, Musa juga menyarankan DBP mengkaji semula sistem pemasarannya, termasuk membuat promosi dan jualan buku menerusi Internet bagi memperluaskan kumpulan sasarannya dan tidak bergantung kepada langganan institusi pendidikan serta jabatan kerajaan.

Beliau berkata sistem pengedaran dan pemasaran yang cekap serta berkesan perlu diwujudkan supaya buku terbitan agensi itu dapat disebarluaskan secara meluas dan dimanfaatkan oleh orang ramai.

“Kegiatan penerbitan membatikan kos tinggi dan tenaga kepakaran yang banyak. Untuk mendapat pulangan setimpal, sudah tentu perlu disusuli strategi yang terbaik,” katanya.

Musa juga mahu DBP berfikir secara agresif kaedah dan strategi bagi menetapkan sasaran yang realistik untuk menentukan lebih banyak karya ilmiah bahasa Melayu dapat diterbitkan sama ada yang dihasilkan oleh karyawan tempatan mahupun terjemahan karya sasarjana luar negara.

Sehubungan itu, beliau mencadangkan DBP mewujudkan anugerah Hadiah Karya Ilmiah bagi memberi galakan serta pengiktirafan terhadap karya ilmiah yang cemerlang dan bermutu.